

UICL 2302

PEMIKIRAN SAINS & TEKNOLOGI



- (BAB 1): MANUSIA & PEMIKIRAN
- (BAB 2): EKOSISTEM KEILMUAN ISLAM
- (BAB 3): AGAMA, PEMIKIRAN SAINS DAN TEKNOLOGI
- (BAB 4): PEMIKIRAN SAINS & TEKNOLOGI MERENTAS SEMPADAN
- (BAB 5): PEMIKIRAN SAINTIFIK SAINTIS MUSLIM
- (BAB 6): PERUBAHAN PARADIGMA PEMIKIRAN SAINTIS BARAT
- (BAB 7): PEMODENAN SAINS & TEKNOLOGI
- (BAB 8): REVOLUSI INDUSTRI & KESANNYA TERHADAP KEMANUSIAAN
- (BAB 9): ETIKA & NILAI DALAM PEMIKIRAN SAINS & TEKNOLOGI
- (BAB 10): MENGINSANKAN SAINS & TEKNOLOGI

The background is a deep blue gradient with a subtle pattern of white dots, resembling a starry sky. Overlaid on this are several faint, light blue geometric elements: concentric circles of varying sizes, some with dashed lines, and a large circular scale with tick marks and numbers ranging from 140 to 260. The text is centered and rendered in a bold, yellow, sans-serif font.

(BAB 9)
ETIKA & NILAI
DALAM
PEMIKIRAN SAINS & TEKNOLOGI

ISI KANDUNGAN BAB 9

- 4th Industrial Revolution (4IR)
- Etika dan nilai dalam pemikiran sains dan teknologi:
 - perubahan-pembunuhan ihsan;
 - biologi-pengklonan, ibu tumpang, bayi tabung uji;
 - pemakanan-ubahsuai genetik (GMO);
 - teknologi buatan (AI);
 - persenjataan: robot, drone;
 - IT-hackers, dark web.

PENDAHULUAN

- Revolusi Industri – istilah **diperkenalkan oleh Arnold Toynbee (1889-1975)**.
- Banyak negara ingin menjadi masyarakat perindustrian, termasuk Malaysia.
- Malaysia pernah merangka strategi tertentu seperti Wawasan 2020.
- Dalam **Wawasan 2020, Cabaran Ke-6:**

“Mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, masyarakat yang mempunyai daya perubahan tinggi dan berpandangan ke depan, yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga penyumbang kepada tamadun sains dan teknologi masa depan”.

SAMBUNGAN...

- Tanpa perkembangan teknologi, agak sukar hendak menggerakkan satu bentuk revolusi industri.
- Perubahan besar yang turut mengubah struktur masyarakat, cara hidup dan berfikir, juga nilai serta normanya - sama ada kepada yang lebih baik atau sebaliknya.

TAHAP REVOLUSI INDUSTRI




Foto: Christoph Roser, Wikimedia Commons

TAHAP REVOLUSI INDUSTRI

- **Revolusi Industri Pertama (1760-1830)**, bergantung lebih kepada **kegunaan air ataupun wap – “steam”** – yang kesudahannya berupaya menggerakkan jentera berasaskan kuasa wap hingga terciptalah **“steam engine”** yang turut membawa perubahan besar kepada sistem pengangkutan juga meningkatkan aktiviti perindustrian yang lain.
- **Revolusi Industri Kedua sekitar 1870-1914**, kuasa elektrik jelas membawa satu lagi lonjakan status hidup masyarakat melalui perkembangan industri pengilangan.

SAMBUNGAN...

- **Revolusi Industri Ketiga** pula menyusul **berasaskan teknologi maklumat dan komputer** sebagai tonggakunya. Dengan adanya kuasa elektrik, penggunaan komputer merebak dengan pesat dan membentuk satu lagi gaya hidup baru.
- Di **peringkat akhir revolusi ketiga** timbul pula **teknologi automasi**, yang mana mesin dan jentera boleh bergerak serta “bekerja” dengan sendiri apabila ia dimuatkan dengan program komputer tertentu bagi melakukan sesuatu aktiviti terancang. Konsep **pengilangan lambakan (“mass production”)** diperkenalkan pada **pertengahan abad ke-20**.
- Revolusi Industri Ketiga juga dipanggil **Revolusi Digital**.

SAMBUNGAN...

- **Revolusi Industri Keempat** adalah kesinambungan versi ketiga dalam peningkatan automasi berserta rangkaian internet dan proses fizikal lain.
- Muncul satu **sistem berbentuk siber-fizikal (Cyberphysical System)**. Melalui sistem CPS ini, kegunaan robot terus meningkat selaras dengan perkembangan **kecerdasan buatan (Artificial Intelligence)** dan kesepaduan **Internet Pelbagai Benda (IPB - Internet of all Things)** – yang merangkai pelbagai peranti, perisian, peralatan dan lain-lain lagi.
- **Muncul Era Kecerdasan Berkait (Connected Intelligence Era)**, satu titik masa yang meramalkan pertembungan antara alam manusia dengan dunia robot dalam lonjakan industri seterusnya pada abad ke-21. Kenyataan awal yang diperkenalkan di Jerman sebagai “**Industri 4.0**”.

1st revolution

Water/Steam



2nd revolution

Electricity



3rd revolution

Automation



4th revolution

Cyberphysical systems



Replacement of equipment

Percent of installed base



100

Replacement of complete loom necessary



~ 10 - 20

Little replacement, as tooling equipment could be kept, only conveyor belt needed



~ 80 - 90

High level of replacement as tooling equipment was replaced by machines



~ 40 - 50

Existing machines are connected, only partial replacement of equipment

IR 4.0 (CYBERPHYSICAL SYSTEM)



SAMBUNGAN...

- Era seumpama ini, jika dahulunya wadah pertanian berubah kepada industri, kini **wadah automasi pula berubah kepada Internet Pelbagai Benda**; yang mana kedua-duanya **menyaksikan penglibatan manusia terus mengecil, jika tidak pun semakin pupus** pada kali ini.
- **Semuanya bergantung kepada kefahaman kita** tentang revolusi industri 4.0 serta bagaimana ia ditangani; sama ada jurang dan perbezaan lampau terus melebar atau boleh dirapatkan.
- Sama ada akan lahir satu ekosistem baharu yang lebih adil dan saksama berpaksikan kesejahteraan dapat dibina sesuai dengan aspirasi dunia baharu yang lebih adil atau sebaliknya.
- Ia **banyak bergantung pada etika dan nilai yang dipegang.**

- Tanpa etika dan nilai yang dijadikan asas kepada perkembangan sains dan teknologi, kemanusiaan akan tergugat. Manusia akan bertindak sebagai mesin atau berfungsi seakan-akan peralatan tidak bernyawa bercirikan kepantasan, kecekapan, kecerdasan, tanpa-henti dan sebagainya.
- Soal-soal kemanusiaan – keprihatinan, keadilan, kesejagatan, kemesraan, kesejahteraan – ditolak sebelah kerana ia tidak wujud dalam dunia kebendaan, sebuah dunia tanpa “roh” atau “hati nurani.” (***Prof. Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak***)
- Kemelut akibat Revolusi Industri Ketiga dengan lahir manusia tanpa “roh” bermaharajalela yang telah meruntuhkan alam sekitar sesuka hatinya akan berterusan pada zaman Revolusi Industri Keempat. Kekhuatiran ini memuncak jika bukan sahaja manusia gagal menginsankan teknologi, sebaliknya mereka pula di”tukar”kan menjadi seolah-olah jentera berautomasi!

ETIKA & NILAI

- Etika adalah prinsip-prinsip moral dan akhlak yang menjadi pegangan sesetengah individu.
- Nilai adalah darjat, kualiti, mutu, taraf atau sifat ketinggian.
- Etika dan nilai dalam Islam berkait rapat dengan persoalan baik atau buruk, manakala kriteria penentuan serta motif sesuatu perkara adalah berlandaskan petunjuk al-Quran dan Sunnah.

SAMBUNGAN...

- Penghasilan sains dan teknologi dalam Islam – bermatlamat melaksanakan tugas khalifah untuk mencari keredhaan Allah
- Etika dan nilai dalam penghasilan sains dan teknologi bukan sekadar mengambil kira soal tanggungjawab tentang dapatan atau data, ia juga berkaitan tentang proses serta hasil dan kesan
- Etika dan nilai juga berkaitan soal tujuan apakah untuk menunjuk-nunjuk, riak, meninggi diri sehingga ketahap menafikan kewujudan Tuhan atau sebaliknya.

ETIKA & NILAI DALAM PENGHASILAN SAINS & TEKNOLOGI

- **Perlu mengambil kira soal kemaslahatan** dengan mengambil kira tahapnya sama ada dharuriyyat, hajjiyyat atau tahsiniyyat.
- **Perlu mendahulukan kepentingan ummah** berbanding individu, kepentingan masa depan yang utama berbanding kepentingan semasa yang kurang penting.
- **Perlu mengutamakan kualiti** hasil kajian, manfaat dan faedah yang berpanjangan berbanding sebaliknya.

PANDUAN ETIKA & NILAI ISLAM DALAM PEMIKIRAN SAINS & TEKNOLOGI

- Tidak menyalahi prinsip al-Quran dan Sunnah
- Tidak menyalahi ijmak ulamak
- Tidak menyalahi norma kemanusiaan
- Bertujuan untuk mencari keredhaan Allah
- Dilakukan dengan penuh kesungguhan dan ketelitian
- Dilakukan penuh kejujuran dan amanah terhadap ilmu
- Dilakukan dengan tidak memesongkan aqidah

PRINSIP SAINS & TEKNOLOGI MODEN

- ✓ Prinsip sains moden adalah bebas daripada sebarang nilai serta berpaksikan peningkatan pengetahuan dan keuntungan dunia.
- ✓ Kesannya penyalahgunaan prinsip, proses serta hasil penciptaan.

Muraice Bucaille: “Golongan terbesar di kalangan ahli sains hari ini diikat oleh teori materialisme dan mereka memandang ringan atau tidak memperdulikan persoalan agama yang mana mereka selalu menganggap bahawa agama itu didirikan di atas lagenda”.

KEPENTINGAN ETIKA DAN NILAI DALAM PEMIKIRAN SAINS DAN TEKNOLOGI

- Etika dan nilai merupakan bidang falsafah yang membicarakan tentang tingkah laku manusia dari aspek lahiriah dan batiniah serta soal kebaikan dan keburukan.
- Etika dan nilai akan mensejajarkan pemikiran sains dan teknologi bersesuaian dengan hukum, nilai dan etika sejagat.
- Etika dan nilai akan mencorakkan segala aktiviti sains dan teknologi selaras dengan pegangan dan kepercayaan.


KESAN PENGABAIAN ETIKA DAN NILAI DALAM SAINS DAN TEKNOLOGI

- 1) Kemusnahan alam** akibat manusia lupa diri dan tanggungjawab sebagai khalifah – manusia bongkak dan tidak perlukan tuhan.
- 2) Keruntuhan nilai kemanusiaan** – jenayah berleluasa dengan pelbagai peralatan teknologi dicipta, jenayah siber dan lain-lain.

- Etika dan nilai dalam pemikiran sains & teknologi:

- **PERUBATAN**

- Pembedahan untuk kecantikan – pembedahan plastik atau suntikan botox untuk kecantikan seperti membesarkan payudara atau penggunaan bahan terlarang.
- Penukaran jantina – identiti lelaki lembut mempunyai naluri keperempuanan.
- Penggunaan ubat / racun untuk tujuan khianat.

Racun RICIN Kaedah Payung  Biji Ricin Mekanisma menyuntik racun daripada hujung payung. September 1978 Mangsa Georgy Markov Penulis penentang Bulgarian	DIOXIN Disyaki dimakan/minum  September 2004 Viktor Yushchenko Calon pembangkang Ukraine	POLONIUM 210 Sangat radioaktif Secawan teh  November 2006 Alexander Litvinenko Bekas perisik Russia, penentang Putin	BELUM DIKENAL PASTI Disembur dengan cecair beracun  13 Februari 2017 Kim Jong Nam Abang pemimpin Korea Utara Kim Jong-un
 Kejadian Dicucuk di peha ketika menunggu bas di London. Kaedah "Payung Bulgaria" direka oleh KGB. Meninggal dunia empat hari kemudian	 Jatuh sakit ketika kempen pilihan raya presiden menentang calon pilihan Moscow. Dilantik pada Januari 2005. Hidup tetapi muka berlekak-lekuk	 Minum teh bersama seorang lagi bekas perisik Russia di London. Rasa sakit ketika pulang. Moscow enggan mengekstradisi suspek utama. Meninggal dunia di hospital tiga minggu kemudian	 Diserang dua wanita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2). Meninggal dunia dalam perjalanan ke hospital



KIM JONG-NAM DI



**BUNUH DENGAN
RACUN SYARAF
PALING MEMATIKAN**

- Etika dan nilai dalam pemikiran sains dan teknologi:

- **BIOLOGI**-pengklonan, ibu tumpang, bayi tabung uji;
 - Pengklonan dan kejuruteraan genetik dalam menghasilkan produktiviti pertanian dan penternakan – menular kepada pembiakan manusia di luar tabii menggunakan sel binatang
 - Pembiakan baka bayi tabung uji – ada yang mungkin menjadi ibu tumpang sebagai profesion.

PENGKLONAN & KEJURUTERAAN GENETIK

- Bagi menghasilkan produktiviti pertanian & penternakan, perindustrian & perubatan.
- Usaha pertama dilakukan oleh ahli embriologi Scotland - Ian Wilmut - hasilkan kambing biri-biri bernama Dolly.
- Bila menular kepada pengklonan manusia - ia berkait dengan etika.
- Langgar fitrah manusia yang hidup berpasangan, berkahwinan & berkeluarga



- “Pengklonan manusia haram dan perlu dihalang dgn apa cara sekalipun”
- “Pengklonan manusia menjadikan manusia yang asalnya sebagai hamba yang dimuliakan disisi Allah, terhina apabila dijadikan objek penyelidikan yang akan menimbulkan pelbagai masalah sampingan”

–Majlis Fatwa al-Azhar

ANTARA KESAN BURUK PENGKLONAN MANUSIA

- 1) Masalah hukum kekeluargaan
- 2) Hubungan psikologi
- 3) Pertimbangan moral
- 4) Pertimbangan keamanan & keselamatan
- 5) Membazir dana & kewangan


Gambar menunjukkan antara hasil kajian dalam pengklonan manusia yang gagal



Bagaimana nasib bayi seterusnya? Fikirkan!!!

4 GMO vs bukan-GMO

- GMO = genetically modified organisms (organisma yang diubah suai secara genetik).
- Tumbuhan, haiwan atau mikroorganisma yang genetiknya telah diubah suai.
- Teknik pengubah suaian genetik/ teknik kejuruteraan.
- Dikatkan dengan pelbagai risiko kesihatan.



Tanaman yang diubahsuai secara genetic (GMO) agar lebih cantik, lebih sedap, lebih besar, kurang risiko diserang penyakit, hasil lebih banyak seperti jambu batu, tembikai, anggur tiada biji. Risiko menggunakan produk GMO ialah unsur makanan yang dimakan bukan semula jadi, struktur berbeza, terdedah kepada bahan kimia, racun pestisid yang menjadi penyebab allergic / kanser dan lain-lain.

- **PEMAKANAN-**

- Pembangunan di bidang pertanian – racun kimia, penggunaan bahan awet.

Punca pencemaran dan kesannya terhadap alam sekitar

Punca pencemaran	Bahan pencemar	Kesan terhadap alam sekitar
Pembakaran bahan api fosil (di loji penjanaan elektrik)	Hidrokarbon, sulfur dioksida, nitrogen dioksida, karbon dioksida, dan zarah2 asap	-asma/bronkitis -sakit kepala, keletihan, kerosakan minda, bawa maut -pemanasan global -hujan asid
Industri kimia	Sisa toksik	-merosakkan otak dan ginjal -kecacatan pada bayi
Perlombongan dan permprosesan mineral radioaktif	Sisa radioaktif	-masalah kesihatan pd benda hidup -kanser, mutasi, kecacatan bayi
Industri pertanian	Baja kimia, peristid, dan sisa organik yang berlebihan	-kanser dan kecacatan pada bayi -eutrofikasi -menggalakkan pembiakan vektor penyakit ; tikus & lalat

ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI)

- Kecerdasan Buatan (AI) adalah satu cabang ilmu yang berhubungan dengan kemampuan komputer untuk bertindak seperti manusia
- Kecerdasan Buatan juga adalah sebahagian daripada ilmu computer yang membuat agar mesin computer dapat melakukan pekerjaan seperti dan sebaik manusia

Skop AI

- Sistem Pakar (computer sebagai penyimpan pengetahuan para pakar)
- Robotik dan sistem sensor
- Komputer vision (mengintrepetasi gambar atau objek melalui computer)
- Intelligent Computer Aid Instruction (computer sebagai tutor untuk melatih dan mengajar)
- Pengolahan bahasa universal (penggunaan bahasa yang user friendly)

AI MENGGANTIKAN TUGAS MANUSIA?

AI adalah program komputer yang dirancang dapat memecahkan permasalahan rutin yang dilakukan oleh manusia maupun hewan. Antara peranannya:

- Interaksi
- Monitor
- Merakam memori
- Analisis
- Aksi (layanan)

Kelebihan AI yang menjadi ancaman kepada manusia:

- Kemampuan menyimpan data yang tidak terbatas
- Memiliki ketepatan dan kecepatan dalam sistem kerjanya
- Dapat digunakan pada bila-bila masa tanpa ada rasa penat atau bosan

- Etika dan nilai dalam pemikiran sains dan teknologi:
 - **PERSENJATAAN**: robot, drone;
 - Perlumbaan senjata - penyalahgunaan bom di Afghanistan, Iraq, Palestin dan negara-negara dunia ketiga oleh kuasa besar dunia (bom atom, napalma, berangkai) – teknologi nuklear, biologi dan laser memberi impak besar kepada alam

PERLUMBAAN SENJATA

- Untuk hasilkan yang tercanggih - kesan yang menggerunkan.
- Musnahkan manusia & alam sekaligus.
- Meninggalkan kesan yang lama.
- Teknologi komputer bantu manusia dapatkan rahsia negara - kesan 'pengganas'.
 - Bom Atom – Hiroshima dan Nagasaki
 - Teknologi nuklear, senjata biologi, kimia dan laser – memusnahkan manusia
 - Teknologi komputer dan satelit



- Etika dan nilai dalam pemikiran sains dan teknologi:
 - **IT**-hackers, dark web.
 - Hacker adalah orang yang mempelajari, menganalisis, memodifikasi, menerobos masuk ke dalam komputer dan jaringan komputer dengan pelbagai tujuan.
 - penyalahgunaan pemalsuan kod keselamatan, pemindahan wang tanpa izin, penyebaran bahan pornografi, bahan fitnah, virus, pencerobohan sistem komputer.



JENAYAH SIBER

Jerat jenayah siber

2012/05/22 - 08:05:21 AM Oleh Shaidah Shafie CetakEmel Kawan



Kanak-kanak yang melayari internet tanpa pengawasan boleh terdedah pengaruh negatif. - Gambar hiasan

Seramai 70 peratus ibu bapa tak sedar anak terdedah pornografi dan jenayah lain internet

LAPORAN terkini dikeluarkan pihak CyberSecurity menunjukkan kadar jenayah siber di negara ini meningkat sehingga 88 peratus pada tahun lalu berbanding hanya 8.090 kes pada tahun sebelumnya.

Jenayah siber meningkat lebih 100 peratus

LUMUT 1 April - Sebanyak 8,090 kes jenayah siber dilaporkan di negara ini dalam tempoh dua bulan tahun ini berbanding 3,064 kes sepanjang tahun lalu.

Pengerusi CyberSecurity Malaysia, Jeneral (B) Datuk Seri Mohd. Azumi Mohamed berkata, peningkatan lebih 100 peratus itu amat membimbangkan dan ia boleh menimbulkan ancaman baru terhadap keselamatan negara jika tidak dibendung.

Beliau menegaskan, antara punca peningkatan tersebut adalah sikap pengguna yang tidak prihatin tentang keselamatan semasa melayari Internet.

"Kita akan memperbanyakkan kempen kesedaran dalam memastikan keselamatan siber agar orang ramai dan pelajar tidak terdedah kepada bahaya apabila melayari Internet," katanya pada majlis pelancaran Perak Wifi dan

Karnival Siber 2011 oleh Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir di sini, hari ini.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif KPerak, Dr. Ahmad Kamil Mahmood.

Mohd. Azumi berkata, selaku agensi yang dipertanggungjawabkan dalam hal-hal berkaitan keselamatan siber, CyberSecurity memandang serius perkembangan tersebut dan merangka pelan khusus bagi menganganinya.

Katanya, kebanyakan orang tidak sedar mereka terdedah kepada ancaman siber termasuk digodam, ancaman virus serta kata laluan dicuri ketika melayari Internet.

Sehubungan itu, beliau meminta pengguna supaya lebih berwaspada dan berhati-hati bagi mengelak maklumat peribadi mereka dicerobohi ketika menggunakan Internet.



AZUMI MOHAMED

Rencana UMUM



PENDAHULUAN

Kemajuan pesat teknologi maklumat dan perkongsian maklumat secara global antara faktor meningkatnya gejala jenayah siber. Fenomena peningkatan jenayah siber bukan sahaja berlaku di seluruh dunia, malah di Malaysia turut menerima tempilannya. Antara negara lain yang turut mencatat angka tertinggi dalam jenayah itu adalah United Kingdom, Ukraine, Indonesia, Yugoslavia, Lithuania, Romania, Turki, Rusia, Pakistan, Israel, Nigeria dan China. Hal ini menunjukkan bahawa jenayah siber melibatkan rangkaian jenayah antarabangsa sehingga menular ke negara kita. Secara tidak langsung, tanggungjawab pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bakal berhadapan cabaran lebih hebat pada masa akan datang berikutan pelbagai taktik baharu perlakuan jenayah siber yang semakin meningkat, di samping jenayah jalanan. Dengan kata lain, pihak kerajaan sentiasa prihatin terhadap perlakuan jenayah dalam konteks negara kita dan antarabangsa.

Malaysia mencatatkan sebagai 13 negara paling aktif dalam jenayah siber di seluruh dunia. Jenayah penipuan Internet mencatatkan jumlah aduan tertinggi melibatkan insiden keselamatan siber yang dilaporkan pada awal tahun 2012. Ketua Pegawai Eksekutif Cyber Security Malaysia,

Prof. Datuk Husin Jazri berkata, daripada 954 aduan yang diterima oleh Pusat Bantuan Cyber999 Januari 2012, 492 daripadanya adalah berbentuk penipuan. Angka ini melibatkan kegiatan memancing maklumat pengguna Internet atau phising (346), penipuan Nigeria (45), penipuan pekerjaan (38), penipuan dalam talian (28), laman web palsu (19), penipuan pembelian (10), penyamaran (empat), dan penipuan loteri (dua). Selain penipuan, kita juga menerima aduan berupa gangguan siber melibatkan buli (21), intipan (tiga), serta kenyataan berbentuk seksual dan perkataan yang masing-masing terdiri daripada satu kes.

PELUASAN CAPAIAN INTERNET

Sebenarnya, faktor peningkatan jenayah siber didorong oleh peluasan capaian Internet pada masa kini. Pertambahan pengguna Internet dan tawaran pelbagai bentuk perkhidmatan melalui elektronik dikenal pasti menjadi punca meningkatnya kes-kes jenayah siber di negara ini setiap tahun. Pengguna Internet di Malaysia meningkat dalam tempoh 10 tahun berbanding pertambahan populasi penduduk secara keseluruhannya. Sebagai contoh, daripada 23.27 juta penduduk Malaysia tahun 2000, hanya 3.7 juta atau 15.9 peratus merupakan pengguna Internet.

Jumlah pengguna Internet dilihat

meningkat secara mendadak, iaitu daripada 27.56 juta penduduk Malaysia tahun 2011, sebanyak 16.9 juta orang atau 61.32 peratus merupakan pengguna Internet. Pada masa yang sama, kerajaan menggalakkan rakyat celik teknologi maklumat dengan mempromosikan Koridor Raya Multimedia dan memperkenalkan pelbagai perkhidmatan elektronik seperti e-kerajaan, e-perniagaan, dan e-perbankan.

Berikutan penggunaan Internet secara meluas, jenayah siber mengambil kesempatan untuk menjalankan kegiatan penipuan, sekali gus memberi cabaran kepada Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) untuk membendung jenayah tersebut. Menurut sumber JSJK, terdapat 50 kes jenayah siber yang sering menjadikan rakyat negara ini sebagai sasaran. Kes-kes itu adalah penipuan melalui khidmat pesanan ringkas atau panggilan telefon, penyamaran pegawai bank atau polis, penipuan mesin juruwang automatik di bawah Seksyen 4 Akta Jenayah Komersial, iaitu melibatkan transaksi wang dari akaun mangsa dan penipuan ATM menggunakan modus operandi menepuk bahu mangsa. Kes penipuan lain ialah bungkusan, perbankan Internet atau perbankan telefon, mencari mangsa secara rawak (phishing), pembelian barangan, salah guna rangkaian seperti telefon atau Internet untuk mengut

STATISTIK JENAYAH SIBER

KES	2010	KERUGIAN (RM)	2011	KERUGIAN (RM)
SMS/panggilan Penyamaran	836	9,695,112.50	504	4,388,054.46
Pegawai bank/polis	1201	20,786,906.62	917	18,953,416.12
ATM	1385	8,621,360.40	914	4,428,384.50
ATM (tepek bahu)	115	647,893.22	20	86,759.00
Bungkusan	791	18,992,366.26	761	19,231,499.17
Perbankan bank/FTT/ perbankan telefon	300	1,290,427.30	126	831,054.02
Phishing	353	1,244,363.45	761	2,792,538.56
Belian barangan	1114	3,124,836.72	1424	3,519,417.34
Salah guna rangkaian	137	-	-	35
Penggodaman	6	800,000.00	4	150
JUMLAH KESELURUHAN	6238	65,203,266.48	5446	54,231,273.17

Gambar: Statistik jenayah siber yang berlaku di Malaysia pada tahun 2010 dan 2011.

DARK WEB

